

24 AUG 1996
Megat-Serenti
CADANGAN MEMINDA AKTA DADAH BERBAHAYA

MUADZAM SHAH, 24 Ogos (Bernama) -- Majlis Dadah Kebangsaan bercadang meminda Akta Dadah Berbahaya 1952 (pindaan 1980) bagi membolehkan tindakan dan kawalan lebih tegas dikenakan terhadap penghuni pusat serenti.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Megat Junid Megat Ayub hari ini berkata cadangan itu diputuskan pada mesyuarat majlis yang dipengerusikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Menteri Dalam Negeri dua hari lepas.

Mesyuarat itu turut dihadiri semua Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Pengarah Kementerian, Ketua Polis Negara dan Ketua Pengarah Penjara.

Semasa ditemui pemberita selepas majlis perjumpaan dengan Rela bahagian Rompin di Bandar Tun Razak, Keratong di sini, Megat Junid berkata mesyuarat itu memperakukan beberapa cadangan untuk diteliti kerajaan dan seterusnya dibentangkan di Parlimen.

Antara cadangan itu ialah:

- + semua penagih yang sudah dipastikan positif tidak dibenarkan memiliki pasport antarabangsa untuk ke luar negara. Segala rayuan untuk memilikinya akan dikaji mengikut kes.

- + semua penghuni pusat serenti yang keluar selepas dua tahun akan dihantar ke suatu kawasan khas atau kawasan pilihannya sendiri dan mesti berada di bawah penyeliaan polis selepas dua tahun.

- + mana-mana penghuni pusat serenti berjaya ditangkap selepas cuba melarikan diri, akan dikenakan sekali sebatan mandatori.

- + kakitangan kerajaan yang bertugas di pusat serenti yang didapati bersubahat atau disyakki mengedar dadah, sekiranya dijatuhi hukuman penjara, juga mesti disebut mandatori.

- + pembebasan penghuni dari pusat serenti kini terletak di tangan Ketua Pengarah Agensi Dadah Kebangsaan dan bukan lagi Jawatankuasa Pusat Pelawat Pusat Serenti seperti yang berlaku sekarang.

- + memperkenalkan pil naltroxone kepada 2,000 penghuni pusat serenti seluruh negara sebagai pendekatan baru untuk memulihkan mereka di mana dijangkakan RM6 akan dibelanjakan setiap hari untuk seorang penghuni. Terdapat kira-kira 17,000 penghuni pusat serenti di seluruh negara.

- + mengadakan satu pusat serenti khusus bagi mereka yang menyerah diri dan datang secara sukarela untuk dipulihkan.

- + mewujudkan rumah perantara bagi penghuni pusat serenti wanita berhampiran kilang supaya pengurusan kilang dapat mengambil mereka bekerja setelah pulih.

Megat Junid berkata kerajaan tidak mahu lagi bertolak ansur dengan penghuni-penghuni pusat serenti yang terlalu ramai mengadakan mogok, menyebabkan kebakaran dan cuba melarikan diri sedangkan kerajaan mencuba sedaya upaya untuk memulihkan mereka.

Katanya penagihan dadah merupakan masalah negara yang paling besar di mana perangkaan menunjukkan penagih-penagih itu menghabiskan wang sejumlah RM1,000 juta setahun untuk menagih.

Mengenai pendaatang asing tanpa izin, beliau berkata arahan telah dikeluarkan kepada pihak berkuasa keselamatan supaya menangkap mereka yang masih berdegil dan enggan mendaftarkan diri dengan Jabatan Imigresen.

Beliau kesal kerana sejak gerakan pendaftaran dimulakan 1 Julai lepas, hanya kira-kira 20,000 pendaatang sahaja yang berbuat demikian. Beliau menjangkakan masih terdapat sejumlah besar yang belum mendaftarkan diri terutamanya dari sektor pembinaan dan pembantu rumah.

Megat Junid berkata majikan yang mengambil pekerja-pekerja asing perlu

menunjukkan rasa tanggungjawab mereka menerusi pembayaran levi memandangkan selama ini mereka banyak mengaut keuntungan daripada pengambilan pekerja-pekerja asing itu. -- BERNAMA

ROS RON